

Sumbangan Kepada Rumah Warga Tua Tawau

Pengurus Komunikasi Korporat Sabah Softwoods Berhad (SSB), selaku wakil syarikat, Encik Sahrudin Paidi telah menyampaikan satu lori tanah, pasu bunga dan *polybag* kepada Puan Azlin Alias, selaku pembantu tadbir Rumah Warga Tua, Tawau.

Tujuan sumbangan ini adalah bagi membantu memberi keceriaankawasan bangunan baharu Rumah Warga Tua. Selain itu, Ladang Kumansi, SSB juga turut menyumbangkan 12 buah pasu yang diperbuat daripada tayar terpakai.

Pihak SSB amat menitik beratkan dan sentiasa ingin membantu masyarakat setempat. Aktiviti tanggungjawab sosial korporat syarikat (CSR) ini diharap dapat membantu sedikit sebanyak untuk melengkapkan keperluan Rumah Warga Tua tersebut.

